

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN  
DARIPADA : YB TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA  
[BATU]  
TARIKH :  
SOALAN :**

**YB Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [ Batu ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa banyak hospital di Malaysia yang Radicare beroperasi. Senaraikan mengikut tahun, hospital dan perkhidmatan yang disediakan. Adakah pemberian kontrak ini telah dipilih melalui proses tender, senaraikan juga kesemua syarikat telah mengambil bahagian dalam tender ini dalam jangka masa sepuluh tahun.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Radicare (M) Sdn Bhd (Radicare) adalah merupakan salah satu syarikat konsesi swasta yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan Perkhidmatan Sokongan Hospital. Syarikat ini bertanggungjawab melaksanakan perkhidmatan sokongan yang meliputi perkhidmatan seperti berikut:

- (a) Perkhidmatan Penyenggaraan Kejuruteraan Fasiliti (FEMS);
- (b) Perkhidmatan Penyenggaraan Kejuruteraan Biomedikal (BEMS);
- (c) Perkhidmatan Linen dan Pendobian (LLS);
- (d) Perkhidmatan Pengurusan Sisa Fasiliti Kesihatan (HWMS); dan
- (e) Perkhidmatan Pembersihan (CLS).

Perkhidmatan syarikat ini meliputi 46 buah hospital di Selangor, Wilayah Persekutuan, Putrajaya, Pahang, Terengganu dan Kelantan bermula pada 28

Oktober 1996 untuk tempoh 15 tahun sehingga 31 Mac 2015 dan telah dilanjutkan kepada 10 tahun lagi sehingga 31 Mac 2025.

Jumlah Hospital mengikut negeri adalah seperti berikut:

No.	Negeri	Jumlah Hospital
1.	Selangor	14
2.	Wilayah Persekutuan	7
3.	Pahang	10
4.	Terengganu	6
5.	Kelantan	9

Syarikat ini juga telah dipilih secara tender terbuka bagi perkhidmatan sokongan di Hospital Rompin untuk tempoh tiga (3) tahun bermula 1 November 2014 sehingga 1 November 2017 dengan kontrak bernilai RM10,634,632.28 bagi skop perkhidmatan yang sama. Sebanyak lima (5) syarikat telah mengambil bahagian dalam tender terbuka PSH di Hospital Rompin.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS** : **TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA [**  
**DARIPADA** **BATU ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [ Batu ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa banyak sekolah melaksanakan DLP, senaraikan mengikut negeri. Berapa banyak sekolah sudah mula menggunakan DLP dan berapa banyak lagi masih menunggu untuk kelulusan.

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

*Dual Language Program* (DLP) adalah satu program pengukuhan bahasa Inggeris berasaskan pilihan sekolah di bawah dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI). Pelaksanaan DLP adalah hasil dapatan makmal Bahasa Inggeris pada Jun 2015, selain memenuhi hasrat transformasi pendidikan yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. DLP memberi pilihan kepada sekolah-sekolah yang memenuhi kriteria yang telah ditetapkan untuk **mengadakan sesi pengajaran dan pembelajaran dalam bahasa Inggeris selain daripada bahasa Malaysia bagi mata pelajaran Matematik dan Sains**. Objektif utama pelaksanaan DLP adalah untuk meningkatkan penguasaan kemahiran berbahasa Inggeris dalam kalangan murid melalui peningkatan masa pendedahan kepada bahasa Inggeris dalam pembelajaran dan pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris. Kompetensi bahasa Inggeris yang baik dalam kalangan murid akan memberi kelebihan kepada murid dalam menimba lebih banyak ilmu dari pelbagai sumber. Selain itu peluang murid untuk menceburi kerjaya peringkat global juga adalah lebih cerah.

Berdasarkan Surat Siaran KPM Bil.18 tahun 2015 : Pelaksanaan Rintis Program Dwibahasa atau *Dual Language Program (DLP)* di Sekolah pada Tahun 2016, empat (4) kriteria menjadi asas melaksanakan DLP di 300 sekolah terpilih sebagai rintis pada tahun 2016, iaitu:

- i. Sumber yang mencukupi;
- ii. Kesediaan Pengetua atau Guru Besar dan guru untuk melaksanakan DLP;
- iii. Permintaan dan sokongan daripada ibu bapa; dan
- iv. Pencapaian sekolah dalam mata pelajaran Bahasa Melayu yang menyamai atau lebih baik daripada pencapaian purata kebangsaan

Untuk makluman Dewan yang mulia, pada masa ini sebanyak 296 sekolah daripada 300 buah sekolah rintis sedang menjalankan program ini. Senarai mengikut negeri adalah seperti berikut:

BIL	NEGERI	SEKOLAH
1	Johor	15
2	Kedah	9
3	Kelantan	11
4	Melaka	15
5	Negeri Sembilan	20
6	Pahang	13
7	Perak	36
8	Perlis	4
9	Pulau Pinang	23
10	Sabah	17
11	Sarawak	54
12	Selangor	23
13	Terengganu	13
14	WP Kuala Lumpur	33
15	WP Labuan	2
16	WP Putrajaya	8
	JUMLAH	296

Bagi memastikan program ini berjalan lancar, KPM telah menyediakan pelbagai sokongan antaranya garis panduan pengoperasian, Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP), Panduan Perkembangan Pembelajaran Murid (PPPM), contoh rancangan pengajaran harian dan bahan program orientasi Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris untuk rujukan guru dan sekolah. Di samping itu, murid yang mengikuti DLP dibekalkan buku teks, buku rujukan, bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran yang telah diterjemahkan ke bahasa Inggeris. Berdasarkan Program Kunjung Bantu Awal Tahun ke sekolah DLP, kebanyakan guru yang terlibat dengan DLP adalah guru yang bersedia dan berkebolehan menjalankan pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris.